

**Tun Siti Hasmah sedih gejala buang bayi semakin berleluasa**  
**Utusan Online**  
**19 September, 2012**

KUALA LUMPUR 18 Sept. - Isteri bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali melahirkan rasa kecewa dan sedih dengan gejala buang bayi yang kini semakin berleluasa.

Sambil merujuk kejadian terbaru seorang bayi perempuan yang mati selepas dicampak dari tingkat tiga di Jalan Klang Lama, beliau meminta semua pihak agar kembali ke ajaran agama.

"Kenapa nak buang bayi? Tak boleh nak bayangkan (buang bayi). Kita bukan binatang.

"Sedihlah. Bayi yang tak berdosa dicampak begitu sahaja. Sangat menyedihkan," katanya ketika ditemui selepas melancarkan Program Kenali Anak Kita anjuran Persatuan Pengasih Malaysia (Pengasih) dan Petrolia Nasional Bhd. (Petronas) di sini hari ini.

Hadir sama Yang Dipertua Pengasih, Datuk Mohd. Yunus Pathi dan Pengurus Besar Kanan Bahagian Hal Ehwal Korporat Kumpulan Petronas, Datuk Mohammad Medan Abdullah.

Siti Hasmah mengulas kejadian seorang bayi perempuan yang ditemui mati di pekarangan laluan masuk Pangsapuri Desa Mentari, Jalan Klang Lama kelmarin, dipercayai masih bernyawa sebelum dicampak dari tingkat tiga kawasan perumahan itu.

Susulan kejadian itu, polis menahan seorang pekerja kilang wanita yang dipercayai terlibat dalam perbuatan kejam tersebut.

Siti Hasmah yang juga Penaung Program Kenali Anak Kita berkata, secara normalnya, setiap wanita yang mengandung sememangnya mahukan anak dan tidak akan sia-siakan kurniaan Allah itu.

Namun, jelasnya, mungkin ada faktor tertentu yang menyebabkan berlakunya gejala buang bayi tersebut.

"Jalan penyelesaiannya sudah tentunya kembali kepada ajaran agama, selain memperkasa program kesedaran, pendidikan dan kaunseling," jelasnya.

Katanya, selain itu, ibu bapa juga digesa mendidik anak tentang bahaya penyalahgunaan dadah.

"Ibu bapa perlu diberi panduan bagaimana menguruskan masa bagi membolehkan mereka bersama anak.

"Saya merasakan anak boleh mengelak daripada mengambil dadah jika mereka dididik ketika masih berusia muda, sama ada di rumah atau sekolah," tegasnya.

Sementara itu, Mohd. Yunus berkata, sepanjang 22 tahun penubuhan Pengasih, seramai 5,422 penagih telah mendapat rawatan di persatuan itu dan hampir 70 peratus daripada mereka kembali normal.

"Kebanyakan yang pulih pula kini menjadi ahli Pengasih dan semakin sihat," ujarnya.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source: [http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam\\_Negeri/20120919/dn\\_12/Tun-Siti-Hasmah-sedih-gejala-buang-bayi-semakin-berleluasa](http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20120919/dn_12/Tun-Siti-Hasmah-sedih-gejala-buang-bayi-semakin-berleluasa)